

**SOALAN NO. 390****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN JULIAN TAN KOK  
PING [STAMPIN]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci bagaimana peruntukan di Kawasan Parlimen Stampin digunakan semenjak GE13. Jumlah peruntukan. Senaraikan secara terperinci dari segi jenis projek serta jumlah yang dibagikan. Tarikh serta status projek tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Pilihan Raya Umum ke-13 hingga tahun 2017, sebanyak RM1.33 juta telah dibelanjakan bagi kawasan Parlimen Stampin yang meliputi pelaksanaan 147 program/projek pelbagai kategori seperti bantuan kebajikan dan kecemasan, program sosial masyarakat, membekalkan peralatan dan kelengkapan, dan bantuan kepada pusat kegiatan masyarakat/orang ramai. Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek berkenaan adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan.

Berdasarkan kepada jumlah perbelanjaan tersebut, jumlah perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- |          |   |   |
|----------|---|---|
| (1) 2013 | - | RM0.32 juta untuk 11 program/projek;    |
| (2) 2014 | - | RM0.5 juta untuk 22 program/projek;     |
| (3) 2015 | - | RM0.44 juta untuk 101 program/projek;   |
| (4) 2016 | - | RM0.02 juta untuk 3 program/projek; dan |
| (5) 2017 | - | RM0.04 juta untuk 10 program/projek     |

Sekian, terima kasih.